



PANDUAN PELAKSANAAN KELAS SECARA MAYA/ATAS TALIAN
KURSUS KOKURIKULUM BERKREDIT (KKB) SEMESTER KEDUA SESI 2019/2020 BERIKUTAN
PENULARAN WABAK COVID 19

Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) telah menetapkan panduan pelaksanaan kelas secara maya/atas talian Kursus Kokurikulum Berkredit (KKB) bagi Semester Kedua Sesi 2019/2020 berikut penularan wabak Covid-19 seperti berikut:

1. Kelas maya/atas talian KKB hanya boleh dilaksanakan pada **HARI SABTU** (atau pada hari Ahad tetapi dengan persetujuan majoriti pelajar) dalam tempoh 27 April 2020 – 23 Mei 2020.
2. Kelas maya/atas talian bagi KKB dilaksanakan bagi **merangkumi DUA (2) kelas (jumlah 6 jam)** iaitu **minggu ke-4 dan ke-5 KKB**. (rujuk takwim terkini KKB)
3. Fasilitator boleh membuat survei ringkas tahap capaian Internet pelajar dalam kelas masing-masing supaya dapat merancang sesi kelas yang bersesuaian.
4. Sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dilaksanakan secara tidak serentak (*asynchronous*), tidak perlu secara *real time*, iaitu pelajar tidak diwajibkan ‘hadir’ pada sesi berjalan, tetapi boleh mencapai bahan/rakaman/tugasan/perbincangan pada bila-bila masa yang sesuai.
5. Cadangan kaedah untuk pelaksanaan kelas maya:
 - a) **SHORT SESSIONS**: Sesi PdP boleh dilaksanakan dalam beberapa sesi pendek (contohnya 1 jam dan sebagainya) ataupun terus 3 jam mengikut kesesuaian, asalkan jumlah jam kumulatif sebanyak ENAM (6) jam.
 - b) **RECORD**: Jika mahu, masih boleh menjalankan sesi secara *real time* (contohnya menggunakan aplikasi *video conferencing* seperti Zoom, Skype, Google Meet, Microsoft Teams, dll.) bersama sebahagian pelajar (tanpa paksaan), dan merakam sesi tersebut untuk dikongsi kemudian bersama pelajar yang tidak dapat hadir sama pada sesi tersebut.
 - c) **LOW BANDWIDTH APPS**: Boleh manfaatkan aplikasi media sosial yang menggunakan *bandwidth* rendah seperti WhatsApp atau Telegram.
 - d) **SHORT VIDEOS**: Boleh kongsikan video pendek untuk memudahkan pelajar muat turun (*download*).
 - e) **UPLOAD TO DRIVE**: Boleh muat naik (*upload*) video/bahan di Cloud/Google Drive/One Drive/dll. dan kongsikan pautannya (*link*) kepada pelajar.
 - f) **KEHADIRAN**: Rekod partisipasi pelajar melalui perbincangan, tugasan dan sebagainya.
 - g) **KREATIVITI**: Pelbagai kaedah mengikut kreativiti fasilitator seperti yang telah dibincangkan bersama Fasilitator Khas masing-masing sebelum ini.
6. Semua aktiviti PdP yang dilaksanakan perlu **direkodkan (*screen capture* dan sebagainya sebagai bukti pengendalian kelas bagi tujuan pemantauan dan tuntutan bayaran).**

Rujuk ***UPM Virtual Classroom and e-Assessment Guidelines*** yang dikeluarkan oleh Pusat Pembangunan Akademik (CADe) UPM untuk maklumat lanjut.